

Jadilah seorang yang pemaaf, akui kesilapan

SETIAP kali Syawal menjelma, umat Islam saling menghulurkan tangan sambil mengucapkan “Maaf zahir dan batin.”

Ungkapan ini mungkin kedengaran ringkas, namun maknanya sangat mendalam. Kadangkala satu perkataan maaf mampu menyembuhkan luka yang lama tersimpan dalam hati.

Dalam kehidupan yang sering dipenuhi perbezaan pandangan dan salah faham, nilai kemaafan menjadi semakin penting untuk dipelihara.

Aidilfitri bukan sekadar meraikan kemenangan selepas sebulan menunaikan ibadah puasa. Lebih daripada itu, Syawal mengajak kita membersihkan hati dan memperbaharui hubungan sesama manusia.

Jika Ramadan melatih kita menahan lapar dan dahaga, Syawal pula mengajar kita menahan kemarahan, mengawal emosi dan membuka ruang untuk berdamai.

Dalam Islam, kemaafan bukan sekadar amalan sosial tetapi satu nilai yang sangat tinggi kedudukannya.

Allah SWT berfirman dalam Surah Ali ‘Imran ayat 134: “Dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan memaafkan (kesalahan) orang lain. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Ayat ini menegaskan memaafkan memerlukan kekuatan emosi dan kelapangan jiwa. Manusia secara fitrahnya cenderung mempertahankan perasaan dan ego apabila disakiti. Namun, Islam mengangkat darjat mereka yang mampu mengatasi perasaan tersebut.

Rasulullah SAW juga menegaskan perkara ini dalam hadis riwayat Muslim: “Tidaklah seseorang itu memaafkan melainkan Allah akan menambah kemuliaannya.”

Hadis ini menunjukkan kemaafan bukan tanda kelemahan, sebaliknya mencerminkan kematangan jiwa dan keindahan akhlak seseorang.

Namun dengan perkembangan media sosial, keberanian untuk memaafkan menjadi nilai yang semakin berharga. Syawal sebenarnya hadir sebagai peringatan hubungan sesama manusia tidak boleh dibina atas dasar kemarahan dan ego semata-mata. Hubungan yang sihat memerlukan empati, kesabaran dan kesediaan untuk memberi peluang kedua.

Tradisi bermaafan pada pagi raya membawa makna sosial yang sangat mendalam. Ia melambangkan kerendahan hati untuk mengakui kesilapan serta kesediaan memperbaiki hubungan yang mungkin pernah renggang.

Dalam banyak keadaan, kemaafan menjadi jambatan yang menyambung kembali silaturahim yang terputus.

Apabila seseorang merendahkan ego dan membuka ruang untuk berdamai, hubungan yang retak boleh dipulihkan semula.

Sikap ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan kekeluargaan, malah turut membina masyarakat yang lebih harmoni.

Dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia, nilai kemaafan amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.

Perbezaan agama, budaya dan pandangan tidak seharusnya menjadi punca perpecahan. Sebaliknya, masyarakat perlu mengurus perbezaan tersebut dengan sikap saling memahami, menghormati dan bertoleransi.

Dari sudut psikologi pula, memaafkan memberi manfaat besar kepada kesejahteraan emosi seseorang.

Individu yang menyimpan dendam cenderung mengalami tekanan emosi yang berpanjangan. Sebaliknya, mereka yang memilih untuk memaafkan akan merasakan hati yang lebih ringan dan jiwa yang lebih tenteram.

Ketenangan inilah yang akhirnya membentuk masyarakat yang lebih stabil dan sejahtera.

Memberi ruang kepada orang lain untuk berubah dan memperbaiki diri merupakan sebahagian daripada kematangan sosial.

Memaafkan bukan sekadar memberi peluang kepada orang lain. Ia juga merupakan hadiah yang kita berikan kepada diri sendiri.

Hadiah berupa ketenangan jiwa, kemuliaan akhlak dan hubungan yang lebih bermakna. Sesungguhnya, hati yang memaafkan ialah hati yang paling hampir dengan kedamaian.

Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf zahir dan batin.

DR. YASMIN YACCOB

Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains,
Universiti Putra Malaysia (UPM) Sarawak



SYAWAL mengajar kita menahan kemarahan, mengawal emosi dan membuka ruang untuk berdamai.